

KENYATAAN MEDIA

INSTITUT PENYELIDIKAN KESELAMATAN JALAN RAYA MALAYSIA

**AKSESORI *DUMMY BUCKLE* MEMBAHAYAKAN NYAWA : MIROS DAN FINAS
KOLABORASI TERAPKAN MESEJ KESELAMATAN JALAN RAYA MELALUI
VIDEO PESANAN KHIDMAT MASYARAKAT**

KAJANG, 12 MEI 2021 – Penggunaan aksesori '*dummy buckle*' sebagai alat penyah aktif penggera tali pinggang keledar (*seatbelt alarm stopper*) mahupun sebagai penyambung tali pinggang keledar (*seatbelt extender*) dilihat menjadi kegilaan di kalangan pemandu kenderaan apabila aksesori ini mudah didapati di kedai-kedai serbaneka juga melalui portal jualan dalam talian (*on-line*) kerana harganya yang murah.

Kajian MIROS pada tahun 2020 menunjukkan lebih 12 peratus pemandu kenderaan pernah menggunakan *dummy buckle* pada kenderaan dan jika isu ini tidak dicegah dari awal, peratusannya akan terus meningkat saban hari. Penggunaan aksesori ini berisiko menyebabkan beg udara yang menjadi komponen keselamatan utama kenderaan tidak berfungsi pada tahap optimum dan tidak mampu melindungi pemandu dan penumpang ketika berlakunya kemalangan.

Prihatin akan isu tersebut, Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) dengan kerjasama Kementerian Pengangkutan Malaysia dan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) telah menjalankan usaha kolaboratif bersama dalam menerapkan mesej keselamatan jalan raya melalui satu video pesanan khidmat masyarakat yang memfokuskan kepada isu penyalahgunaan aksesori tali pinggang keledar tiruan atau *dummy buckle*.

Kesan penggunaan *dummy buckle* ini telah diterapkan di dalam video tersebut bagi meningkatkan kesedaran pemandu supaya lebih peka akan risiko yang bakal dihadapi jika penggunaan *dummy buckle* ini digunakan di dalam kenderaan. Perbuatan mengabaikan keselamatan diri dengan menggunakan *dummy buckle* dan tidak memakai tali pinggang keledar adalah berbahaya. Sekiranya kemalangan berlaku,

penggunaan *dummy buckle* boleh mengakibatkan mangsa terkena hentakan kuat pada stereng dan papan pemuka kenderaan atau tercampak keluar daripada kenderaan dan seterusnya boleh menyebabkan kematian.

“Setiap nahas jalan raya melibatkan kos yang besar kepada negara termasuk kos perubatan, kos pembaikan infrastruktur, peningkatan kos menjalankan perniagaan dan kos akibat kehilangan produktiviti. Namun begitu, kos yang paling besar sudah tentulah kehilangan nyawa yang akan memberi kesan sosial yang amat negatif kepada waris atau keluarga mangsa. Oleh itu, MIROS menggesa supaya penggunaan *dummy buckle* ini dihentikan dan berharap rakyat Malaysia dapat meluangkan sedikit masa untuk menonton video ini bagi mengingatkan antara satu sama lain tentang kesan dan akibatnya,” kata Ketua Pengarah MIROS, Ir. Ts. Dr. Khairil Anwar Abu Kassim.

Video khidmat masyarakat ini boleh ditonton di saluran televisyen terpilih dan boleh juga ditonton di laman sosial media MIROS dan FINAS (Facebook, Twitter, Instagram dan Youtube). Video boleh dimuat turun melalui pautan ini: <https://cloud.miros.gov.my/cloud/index.php/s/TXQKWbzmLdkSbNp> .

###

Dikeluarkan oleh:

Unit Korporat dan Pengurusan Ilmu

Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS)

Lot 125-135, Jalan TKS 1, Taman Kajang Sentral, 43000 Kajang, SELANGOR

Tel: 012 – 689 6623 E-mel: zakry@miros.gov.my